



TEKS UCAPAN
YB. DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH

Sempena
MAJLIS PENUTUPAN
KONVENSYEN INTEGRITI, TADBIR URUS DAN
ANTIRASUAH (KITA) 2023

Pada 17 Oktober 2023 (Selasa), 12.00 tengah
hari Sabah International Convention Centre

Terima kasih Pengacara Majlis,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Sabah Maju Jaya

Salam Integriti dan

Salam KITA 2023

1.0 SALUTASI

2.0 PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya jua, kita bersama-sama sehingga ke penghujung Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) Tahun 2023.
2. Saya amat gembira dan berpuas hati dengan kehadiran yang ditunjukkan oleh semua peserta konvensyen kerana berjaya hadir selama dua (2) hari tanpa gagal. Ini jelas membuktikan komitmen semua bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pengurusan governans, integriti dan anti rasuah (GIA).

3. Sememangnya wacana berkaitan integriti ini amatlah diperlukan sebagai pemangkin ke arah kecemerlangan tadbir urus yang berintegriti. Kefahaman, kesedaran dan penghayatan dalam membudayakan integriti mampu membentuk keutuhan jati diri dan keperibadian yang unggul sebagai penjawat awam.

4. Saya yakin dan percaya dengan perkongsian ilmu berkenaan integriti sepanjang KITA 2023 ini dapat menjadi perisai untuk kita menghalang dan membanteras segala bentuk jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam perkhidmatan.

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

3.0 ASPIRASI YAB. PERDANA MENTERI MENGENAI INTEGRITI

5. YAB. Datuk Seri Panglima Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia semasa majlis amanatnya kepada penjawat awam negeri Sabah pada 28 Februari 2023 yang lalu, telah menegaskan supaya mengangkat dan menjunjung nilai kemanusiaan, ihsan dan semangat mempertahankan keadilan seperti yang terkandung dalam gagasan Malaysia Madani.

6. YAB. Perdana Menteri juga mengingatkan supaya penjawat awam meningkatkan kecekapan melalui pelaksanaan tatakelola terbaik bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan tanpa sebarang ketirisan dan salah guna kuasa.

4.0 ASPIRASI YAB. KETUA MENTERI MENGENAI INTEGRITI

7. Sementara itu, Hala Tuju Sabah Maju Jaya yang dicetuskan oleh YAB. Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah telah menggariskan Kecemerlangan Tadbir Urus Yang Berintegriti sebagai pemboleh daya transformasi ke arah meningkatkan ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Di peringkat negeri, usaha-usaha ini diterajui oleh Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau lebih dikenali sebagai BIGoNS dengan memfokuskan kepada:

- a) pemantapan tadbir urus integriti dan antirasuah melalui penginstitutionan dasar dan polisi;
- b) melebarkan kumpulan sasaran kepada seluruh penjawat awam negeri dan lapisan masyarakat;
- c) mempelbagaikan pendekatan yang lebih interaktif, menarik dan berkesan dalam menyuntik penghayatan dan kesedaran membudayakan integriti; serta
- d) memanfaatkan teknologi digital yang mesra pengguna dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

5.0 ASPIRASI KETUA PESURUHJAYA SPRM MENGENAI INTEGRITI

8. YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam ucapan aluannya sempena Majlis Perasmian KITA 2023 telah menyifatkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah merupakan contoh terbaik dalam pengukuhan integriti kerana sentiasa memberi respon yang efektif, telus dan terbuka untuk bekerjasama dengan pihak SPRM. Beliau juga menyatakan komitmen SPRM untuk terus menyokong Kerajaan Negeri dengan menempatkan pegawai SPRM secara pinjaman dalam Perkhidmatan Awam Negeri untuk membantu Kerajaan Negeri meningkatkan kecekapan tadbir urus integriti.

9. Sesungguhnya pengiktirafan ini merupakan pendorong kepada seluruh penjawat awam untuk membudayakan usaha-usaha pembanterasan gejala rasuah, pengukuhan governans dan pembudayaan integriti dengan lebih cekap dan efektif ke arah mencapai Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

6.0 RUMUSAN KONVENSYEN

10. Sebagai rumusan kepada pengisian konvensyen sepanjang dua (2) hari ini dapat kita jelaskan bahawa rakyat layak menerima perkhidmatan terbaik hasil daripada tadbir urus yang telus, adil serta menyeluruh.

11. **Humanizing Service Delivery: To Serve with Soul**, menuntut pelaksanaan suatu sistem penyampaian berprinsipkan **empat (4) nilai utama iaitu empati, responsif, inklusif dan tepat** dalam memenuhi cita rasa dan keperluan rakyat. Nilai utama ini perlu dihayati, difahami dan diamalkan dalam penyampaian perkhidmatan awam berteraskan insaniah. Dengan meletakkan diri kita sebagai rakyat yang

mengharapkan suatu perkhidmatan terbaik, kita sedar bahawa kita perlu memberikan perkhidmatan dengan jiwa yang ikhlas tanpa mengharapkan balasan.

12. Justeru, tatakelola dalam perkhidmatan awam harus terus diperkasakan dalam memastikan sistem penyampaian berjiwa rakyat dapat diterapkan di segenap lapisan perkhidmatan awam.
13. Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional perlu dilihat sebagai satu agenda kerajaan dalam mengukuhkan lagi sistem penyampaian berkesan. Akta Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti yang diperkenalkan kerajaan merupakan panduan tatakelola bebas rasuah kepada semua entiti baik dalam sektor awam mahupun swasta. Penambahbaikan pelbagai aspek perundangan dan penguatkuasaan akan dapat mengukuhkan jati diri dan akhlak khususnya kepada penjawat awam dan amnya kepada seluruh warganegara.

14. Seiring dengan peredaran zaman, tatakelola baharu di era digital perlu diberi fokus di setiap peringkat pengurusan. Perkhidmatan awam harus terus bertransformasi daripada sistem tradisional kepada sistem tatakelola kerajaan secara digital yang dapat memenuhi keperluan mensejahterakan rakyat. Dalam hal ini, setiap agensi harus mempunyai persediaan yang mencukupi dan kukuh dalam menghadapi perubahan dan pelbagai cabaran bagi merealisasikan sebuah kerajaan digital yang berintegriti sebagai asas teras sebuah perkhidmatan MADANI.

15. **Pembanterasan rasuah dalam pembangunan Malaysia Madani** perlu diperkasakan melalui peranan semua pihak terutama anggota perkhidmatan awam. Sebagai agen kerajaan, kita harus memainkan peranan dengan mengamalkan toleransi sifar terhadap segala bentuk kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan segala bentuk tawaran rasuah atau apa-apa aktiviti penyelewengan dana awam. Apa yang lebih penting ialah tanggungjawab kita dalam membudayakan etika dan nilai-nilai murni semasa menjalankan tugas yang diamanahkan.

16. Seiring dengan tema KITA 2023 iaitu **Integriti Teras Perkhidmatan Madani**, setiap dari kita harus sedar bahawa hanya dengan perkhidmatan yang berintegriti secara menyeluruh akan dapat meningkatkan keberhasilan dan pencapaian setiap aspirasi Kerajaan sekaligus dapat memenuhi keperluan dan kesejahteraan rakyat.

7.0 HARAPAN YB. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEPADA PENJAWAT AWAM

17. Secara keseluruhan saya melihat KITA 2023 telah berjaya mewujudkan satu jaringan kerja yang baik di antara pelbagai agensi seluruh Malaysia. Saya berharap jaringan yang baik ini akan berterusan. Segala pengalaman, ilmu pengetahuan, inspirasi dan budaya kerja berprestasi tinggi yang diperolehi sepanjang program KITA ini dapat memantapkan lagi pengurusan GIA dalam Perkhidmatan Awam khususnya di Negeri Sabah dan amnya di peringkat nasional.

18. Saya juga berharap agar kita dapat bersama-sama berusaha memperbaharui dan menambah baik perkhidmatan dan tadbir urus sedia ada agar rakyat yakin terhadap keupayaan penjawat awam dalam melaksanakan dasar yang telah dimandatkan. Peranan kita amatlah besar dalam menggalas tanggungjawab di semua peringkat lapisan ekosistem pentadbiran. Kita perlu memastikan dasar dan agenda yang diperkenalkan oleh Kerajaan dilaksanakan secara adil, telus, pantas, dan professional agar masyarakat dapat menerima manfaat yang disediakan.

19. Saya menyeru kepada semua delegasi yang hadir di konvensyen ini agar sentiasa cakna dan fokus kepada matlamat utama dalam menginsankan perkhidmatan awam. Kita perlu bergerak seiring dalam menerapkan nilai individu dan organisasi untuk memastikan perkhidmatan awam sentiasa relevan serta dapat memenuhi keperluan dan aspirasi Kerajaan membina Malaysia Madani.

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

8.0 PENUTUP

20. Di kesempatan ini, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan agar terus memberi sokongan padu terhadap apa jua inisiatif Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam usaha mengukuhkan tatakelola baik yang berintegriti serta bebas daripada gejala rasuah di setiap lapisan perkhidmatan demi mencapai aspirasi Hala Tuju Sabah Maju Jaya dan Gagasan Malaysia Madani.

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas sokongan dan bantuan yang padu dalam menjayakan KITA 2023. Semoga kolaborasi ini akan berterusan untuk program-program pada masa akan datang. Terima kasih juga saya ucapkan atas kehadiran Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sama ada secara fizikal mahupun maya. Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua pihak yang menjayakan KITA 2023 baik secara langsung mahupun tidak langsung. Mudah-mudahan segala usaha yang kita laksanakan diberkati dan diredhai oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacita merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) 2023. Semoga kita bertemu lagi di tahun hadapan.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.